

TARIKH	10 / 10 / 2016	SEKSYEN	DALAM NEGERI
MUKA SURAT	16	RUANGAN	

## Caj baharu visa umrah bermula November?

Oleh **MOHD. NORAZIZI SAMSUDAIN**  
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 9 OKT.

**K**ADAR baharu visa umrah untuk jemaah yang menunaikan ibadah tersebut buat kali kedua berkemungkinan besar mula dikuatkuasakan kerajaan Arab Saudi pada 1 November ini.

Presiden Persatuan Agensi-agensi Pelancongan dan Pengembaraan Bumiputera Malaysia (Bumitra), **Harith Mohd. Ali** berkata, beliau dimaklumkan tentang perkara itu oleh beberapa rakan ejen pelancongan di Arab Saudi berdasarkan laporan akhbar di negara berkenaan.

Walaupun bagaimanapun, katanya, usaha mendapatkan penjelasan daripada Kedutaan Arab Saudi di sini masih gagal sehingga hari ini menyebabkan pihaknya tidak mahu membuat sebarang ulasan lanjut mengenainya.

"Kami akan terus berusaha mendapatkan 'hitam putih' daripada pihak kedutaan bagi menyelesaikan pelbagai urusan bakal jemaah yang kami uruskan.

"Kadar baharu visa itu (kira-

kira RM2,200) bukan sedikit. Ini pasti akan memberi pelbagai masalah kepada bakal jemaah yang berkemungkinan akan menarik diri dan kami sebagai agensi pelancongan akan menanggung kerugian," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Ogos lalu, Kabinet Arab Saudi mengumumkan semakan semula bayaran visa bagi warga asing, sekali gus menyaksikan kenaikan kos mengerjakan umrah dan haji bagi jemaah yang ingin melakukannya untuk kali kedua.

Keputusan yang sepatutnya berkuat kuasa 2 Oktober lalu itu membabitkan bayaran visa sekali masuk 2,000 riyal (RM2,200) untuk semua pelawat asing untuk memasuki kali kedua ke negara itu, namun kerajaan Arab Saudi akan menanggung bayaran jemaah haji atau umrah kali pertama.

Sementara itu, Pengerusi Eksekutif Andalusia Travel and Tours

Sdn. Bhd., Datuk Md. Daud Che Ngah berkata, pada masa sama terdapat laporan media Arab Saudi yang mendakwa pelaksanaan kadar baharu itu telah ditangguhkan dan perkara itu telah disebarluaskan menerusi aplikasi WhatsApp.

Katanya, keputusan penangguhan dari tarikh sebenar iaitu 2 Oktober lalu adalah rentetan daripada pelbagai rungutan umat Islam seluruh dunia yang diterima kerajaan Arab Saudi.

"Bagaimanapun, perkara tersebut masih menjadi tanda tanya dan semua pihak perlu menantikan pengesahan kerajaan Arab Saudi," katanya.

Dalam pada itu, Md. Daud berkata, disebabkan pihaknya masih belum jelas pelaksanaan kadar baharu itu, satu jadual untuk para jemaah umrah dibuat bagi mengelakkan mereka mengerjakan ibadah berkenaan pada tahun sama.



MD. DAUD CHE NGAH